



Kepada

Semua Ketua Jabatan Negeri,
Pihak-pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan,
Negeri Selangor Darul Ehsan

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
BILANGAN 1 TAHUN 2010**

**PEROLEHAN KERAJAAN NEGERI SECARA TENDER TERBUKA
– PINDAAN KEPADA PARA 3.1 (ii – iii) SURAT PEKELILING
PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR BIL. 5 TAHUN 2009**

1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memberi makluman kepada kesemua Jabatan-jabatan Kerajaan Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan Kerajaan Negeri berkenaan perubahan pelaksanaan perolehan tender Kerajaan Negeri.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bil. 5 Tahun 2009 telah menetapkan bahawa kesemua tender-tender Kerajaan Negeri yang bernilai di antara RM 500,001 hingga RM 10,000,000 perlu dilaksanakan secara tender terhad dan dibuka kepada syarikat kontraktor/pembekal Bumiputera sahaja.
- 2.2 Bagi menambah ketelusan terhadap pengurusan perolehan tender, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Bil. 14/2010 pada 21 April 2010 telah bersetuju untuk melaksanakan perolehan tender secara terbuka merangkumi perolehan kategori kerja, bekalan dan perkhidmatan.

3.0 PELAKSANAAN TENDER TERBUKA

Had Nilai

- 3.1 Kesemua agensi hendaklah melaksanakan perolehan yang bernilai RM 500,001 dan ke atas secara tender terbuka.

Dasar Keutamaan Syarikat Bumiputera

- 3.2 Pelaksanaan tender terbuka ini hendaklah dibaca bersekali dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 1995: Dasar dan Keutamaan Kepada Syarikat Bumiputera Dalam Perolehan.

3.3 Dasar keutamaan syarikat bumiputera bagi tender terbuka ini telah ditetapkan seperti berikut:

i) Perolehan Bekalan/Perkhidmatan

- Agensi-agensi dikehendaki memberi keutamaan (*weightage*) semasa dalam penilaian tender. Keutamaan ini hendaklah dinilai semasa dalam Jawatankuasa Penilaian Tender. Berikut adalah peratus keutamaan yang ditetapkan:

Nilai Kontrak (RM)	Peratus Keutamaan, <i>weightage</i> (%)
500,001 – 1,500,000	7
1,500,001 – 5,000,000	5
5,000,001 – 10,000,000	3
10,000,001 – 15,000,000	2.5

ii) Perolehan Kerja

- Agensi-agensi juga hendaklah menentukan bahawa sekurang-kurangnya 30% daripada nilai jumlah kerja tahunan diperuntukkan khusus kepada syarikat Bumiputera.

Pendaftaran Syarikat

3.4 Syarikat-syarikat yang menyertai tender hendaklah dipastikan telah berdaftar dengan Kementerian Kewangan bagi perolehan kategori

bekalan/perkhidmatan, dan berdaftar bersama Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) bagi perolehan kategori kerja.

- 3.5 Selain itu, agensi-agensi juga harus memastikan bahawa kesemua penender telah berdaftar bersama Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN).
- 3.6 Sebarang pertanyaan berkaitan pendaftaran kontraktor/pembekal di UPEN boleh dirujuk kepada Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor.

4.0 PENGECUALIAN

- 4.1 Sebarang pengecualian daripada mana-mana peraturan Surat Pekeliling ini perlu mendapatkan kelulusan bertulis Pegawai Kewangan Negeri seperti mana yang terkandung dalam Arahan Perbendaharaan Perkara 168. Tindakan surcaj boleh diambil terhadap mana-mana pegawai yang tidak mematuhi surat pekeliling ini.

5.0 KUAT KUASA

- 5.1 Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor ini adalah berkuat kuasa pada **1 Mei 2010** dan hendaklah dibaca bersekali bersama-sama dengan prosedur kewangan serta peraturan kerajaan yang sedang berkuatkuasa.

6.0 PEMAKAIAN

6.1 Kesemua agensi Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah menerima pakai Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor ini dan dilaksanakan di peringkat agensi masing-masing pada tarikh ia dikuatkuasakan.

7.0 PEMBATALAN

7.1 Dengan berkuat kuasanya SPP Negeri Selangor ini, SPP berikut adalah dibatalkan:

- (i) Para 3.1 (ii – iii), Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bil. 5 Tahun 2009.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,




(DATO' MOHD ARIF BIN AB RAHMAN)

Pegawai Kewangan Negeri
Negeri Selangor Darul Ehsan

30 April 2010

s.k.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor

Y.B. Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Bendahari Negeri Selangor

Ketua Audit Dalam Negeri Selangor